

1985

JOHOR BAHRU, 28 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA TIDAK ADA SESUATU YANG BERLAKU DI ANTARA BELIAU DENGAN TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ADA BERITA-BERITA ANGIN YANG DISEBARKAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU KONONNYA SESUATU MASALAH TELAH BERLAKU KERANA DATUK MUSA TIADA BERSAMA BELIAU SEMASA LAWATANNYA DI JOHOR HARI INI.

+INI TIDAK PATUT DISALAH TAFSIR OLEH SESIAPA SEBAGAI SATU MASALAH BAHAWA ADA SESUATU YANG BERLAKU DI ANTARA MEREKA KERANA SEBENARNYA TIDAK ADA APA-APAPUN YANG BERLAKU+, TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DATUK MUSA SECARA KEBETULAN BERADA DI LUAR NEGERI PADA MASA INI KERANA +KEPENTINGAN URUSAN MESTI DIJALANKAN DAN TIDAK ADA MAKNA LAIN YANG HARUS DIBUAT TERHADAP (KETIADAANNYA) INI.+

BELIAU BERUCAP DI HADAPAN KIRA-KIRA SERAMAI 5,000 ORANG ANGGOTA BARISAN NASIONAL JOHOR YANG BERTUMPUN DI LAPANGAN TERBANG SENAI, 32 KM DARI SINI UNTUK MENYAMBUK KETIBAAN BELIAU.

BELIAU AKAN BERADA DI NEGERI JOHOR SELAMA DUA HARI UNTUK MELAKUKAN LAWATAN RASMI BUAT PERTAMA KALINYA SEJAK MENJADI PERDANA MENTERI. -- LAGI

1244MST 28 06 85

#### PM - TAFSIR 2 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ADA KALANYA BERITA-BERITA SEUMPAMA ITU DISALAH TAFSIR BUKAN SAHAJA OLEH ORANG RAMAI TETAPI MALANGNYA KADANG-KADANG OLEH ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BANYAK LAGI BERITA ANGIN YANG SERING DISEBARKAN DI NEGARA INI TERMASUK BERITA KONONNYA EKONOMI NEGARA TELAH MEROSOT SEHINGGAKAN PERNIAGAAN TIDAK ADA LAGI.

+ ADA JUGA BERITA ANGIN MENGENAI PERBUATAN RASUAH YANG MEMBABITKAN ORANG-ORANG TERTENTU YANG DISEBARKAN TANPA ADA BUKTI SAMA SEKALI DAN MACAM-MACAM CERITA LAGI YANG AKAN MEMBAWA AKIBAT BURUK KEPADA KITA SENDIRI,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU MENASIHATKAN RAKYAT NEGARA INI KHASNYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA JANGAN TERPERANGKAP DENGAN BERITA-BERITA ANGIN DAN DIPERALATKAN OLEH ORANG-ORANG TERTENTU UNTUK TURUT MENYEBARKAN KHABAR-KHABAR ANGIN ITU.

INI KERANA PERBUATAN ITU HANYA AKAN MEMBAWA AKIBAT BURUK DAN PENDERITAAN KEPADA A BELIAU RAKYAT NEGARA INI SENDIRI, KATANYA. -- LAGI

1244MST 28 06 85

D034

U B028 AAB

PM - TAFSIR 3 JOHOR BAHRU

+ UMPAMANYA BARU-BARU INI ADA BERITA ANGIN YANG MENGATAKAN KONONNYA SEBUAH BANK DI NEGARA INI TELAH TIDAK ADA WANG LAGI UNTUK MEMBAYAR KEPADA PENYIMPAN-PENYIMPAN DAN PARA PELANGGANNYA.+

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BERITA ITU TIDAK BERASAS SAMA SEKALI. TETAPI AKIBATNYA IA TELAH MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN ORANG LAIN TERHADAP SISTEM KEWANGAN NEGARA INI.

+ KITA TELAH MEMERINTAH NEGARA INI DENGAN BAIK DAN MEMBERIKAN HASIL YANG BAIK KEPADA RAKYAT.+

+ WALAUPUN NEGARA KINI MENGHADAPI BERBAGAI-BAGAI MASALAH, MASALAH-MASALAH ITU TIDAKLAH BESAR,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA BELIAU TELAH BERTERUS TERANG MENDEDAHKAN KELEMAHAN-KELEMAHAN ITU KERANA NEGARA INI MENGAMALKAN PEMERINTAHAN YANG +TERBUKA+. -- LAGI

1310MST 28 06 85

PM - TAFSIR 4 JOHOR BAHRU

APA YANG BENAR AKAN DIDEPAHKAN DAN TIDAK AKAN MEMBERIKAN PERHATIAN KEPADA YANG TIDAK BENAR, KATANYA.

+ DENGAN CARA INI BARULAH KITA DAPAT MENENTUKAN BAHAWA NEGARA INI TIDAK AKAN DIANCAM OLEH SESUATU YANG TIDAK BENAR DAN TIDAK BERASAS SAMA SEKALI.+

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA PENTADBIRAN KERAJAAN TIDAK DAPAT BERJALAN DENGAN LICIN DAN PEMBANGUNAN NEGARA AKAN TERJEJAS SEKIRANYA RAKYAT MEMBAWA ATAU MENIMBULKAN BANYAK MASALAH TANPA SEBAB.

DALAM SISTEM PENTADBIRAN YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN DI NEGARA INI TERDAPAT SALURAN-SALURAN TERTENTU YANG BOLEH DIGUNAKAN OLEH RAKYAT UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA.

JIKA RAKYAT MENGGUNAKAN SALURAN-SALURAN ITU UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA SUDAH PASTI IA AKAN MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA SEMUA TERLIBAT TETAPI SEKIRANYA MEREKA MEMILIH CARA YANG TIDAK TERATUR MAKA HASILNYA AKAN MEMBAWA KEBINASAAN KEPADA SEMUA, DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- BERNAMA.

1324MST 28 06 85